

Maklumat Komoditi : Kaduk

Maklumat Umum

PENGENALAN

Kaduk berasal dari Asia , terdapat dalam kawasan dari India sehingga China Selatan dan Asia Tenggara. Daun kaduk boleh di makan sebagai ulam mentah atau dicelur terdahulu. Tangkai daun dan buah digunakan sebagai rempah-ratus atau perasa.

MORFOLOGI TANAMAN

- Batang pokok kaduk tumbuh menegak namun ada yang merayap di atas tanah sehingga menjadi kelompok.
- Daun kaduk jenis ringkas, susunan berselang-seli, tangkai daun 2-8 cm panjang; lai daun berbentuk jantung, 7-15 cm panjang dan 5-10 cm lebar.
- Bunga tiada petal atau sepal panjang 1-2 cm.
- Buah adalah jenis beri, berwarna hitam apabila masak.

KHASIAT DAN KEGUNAAN

Daun kaduk boleh digunakan sebagai perisa atau sayur dalam masakan. Daun dibuat minuman untuk tujuan merawat masalah penghadaman, angin dalam perut dan usus. Akar ditumbuk lumut dan ditampal pada sakit gigi atau gusi. Air rebusan digunakan untuk merendam atau mencuci kaki yang dijangkiti kulat.

Kesesuaian Tanaman

Kesesuaian Tanah

Tanaman Kaduk sesuai ditanam di kebanyakan jenis tanah di Malaysia. Pengurusan yang lebih rapi diperlukan sekiranya tanaman ini ditanam di tanah yang sederhana sesuai bagi mencapai potensi hasil yang menguntungkan. Sifat dan kesesuaian tanah bagi tanaman Kaduk adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Sifat dan Kesesuaian Tanah bagi Tanaman Kaduk

Sifat Tanah	Kesesuaian Tanah	
	Sesuai	Sederhana Sesuai
Kecerunan	0 - 12°	12 - 20°
Saliran	Tak sempurna salir hingga salir. Paras naik turun air berada pada kedalaman : >50 cm dari permukaan. Sangat salir. Keupayaan pegangan air tanah rendah.	
Kedalaman tanah yang sesuai (ke lapisan padat/batu, asid > 50 cm sulfat)		25 – 50 cm
Tekstur dan struktur	Kandungan liat : >18-35% atau kandungan liat : >35% dan tanah gembur.	Kandungan liat :10-18% atau Kandungan liat : >35% dan agak padat.
Kemasinan	0.5 - 1 dS/cm (Sangat Rendah)	1 - 2 dS/cm (Rendah)

Sumber: Jabatan Pertanian, 2018

Penyediaan Tanah

Kawasan tanah hendaklah dibersihkan dari sebarang tumbuhan.

Tanah hendaklah dicangkul sedalam sekurang-kurangnya 30cm, kemudian dibiarkan selama 1-2 minggu. Ini bertujuan untuk mendedahkan rumpai dan hidupan perosak kepada cahaya matahari supaya termusnah.

Kemudian tanah dicangkul semula untuk memecahkan ketulan besar menjadi lebih kecil. Rumpun yang separuh reput dibenamkan ke dalam tanah atau di ambil untuk dibuat kompos.

Bagi kawasan yang luas, jentera pembajak boleh digunakan.

Pengairan Dan Saliran

Pengairan

Di kawasan tropika yang berhawa panas seperti di negara kita, menyiram adalah penting dijadualkan dua kali sehari di waktu pagi dan petang. Menyiram di waktu tengahari adalah tidak perlu dan sekiranya diperlukan juga, hanya tanah saja yang perlu disiram. Sekiranya terlalu banyak air yang disiram, ia akan mendatangkan kesan buruk dan akan menyebabkan kejadian penyakit.

Sistem saliran

Saliran yang baik merupakan keperluan yang penting bagi pertumbuhan sayur. Aras air dalam tanah terlalu tinggi boleh merencat pertumbuhan akar atau penakungan air menyebabkan akar terendam dan reput. Masalah saliran biasanya terdapat pada kawasan tanah liat, tanah lembap atau tanah yang mempunyai lapisan mampat tidak telus air.

Sistem Penanaman

PENANAMAN DI LADANG

Kaduk mudah di tanam dengan menggunakan keratan batang. Kaduk juga tumbuh secara spontan melalui penyebaran biji. Kaduk yang di tanam boleh cepat merbak dan kelihatan tidak terkawal.

Sistem Pembajaan

tiada maklumat untuk dipaparkan

Penuaian

tiada maklumat untuk dipaparkan

Varieti

Bil.	Varieti
1	Tiada